

TERMA RUJUKAN
KHIDMAT TENAGA PAKAR BAGI BENGKEL STRATEGIK
MENINGKATKAN PERBELANJAAN BAGI PEMBANGUNAN RESEARCH &
DEVELOPMENT (R&D)

1.0 PENGENALAN DAN OBJEKTIF

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah diberikan mandat untuk membentuk ekosistem yang teguh, yang merupakan salah satu daripada lima teras strategik negara di bawah Blueprint Produktiviti Malaysia (MPB) yang dilancarkan pada Mei 2017. Kerjasama antara MPC dengan kementerian-kementerian adalah penting dalam membantu memperbaiki kementerian-kementerian mencapai matlamat yang ditetapkan. Salah satu peranan MOSTI ialah memperbaiki kedudukan negara dalam Global Innovation Index (GII) dimana sasaran untuk menjadikan Malaysia dalam kedudukan 20 negara terbaik menjelang tahun 2025. Oleh itu, inisiatif yang ingin dilaksanakan ialah meningkatkan perbelanjaan untuk tujuan pembangunan R&D atau GERD (Gross expenditure on R&D) di Malaysia.

Objektif bengkel adalah seperti berikut:

- 1.1 Mengenalpasti isu-isu sebenar berdasarkan input-input yang diberikan semasa sesi bengkel yang diadakan sebelum ini untuk diteliti.
- 1.2 Membincangkan dan perhalusi Pendekatan STEINBEIS dalam memperkasakan bidang R&D dengan MOSTI.
- 1.3 Memberikan cadangan dan rekomendasi Rangka Kerja untuk meningkatkan perbelanjaan bagi tujuan pembangunan R&D tahun 2021.

2.0 SKOP KERJA DAN YURAN TENAGA PAKAR

Tempoh dan skop kerja ini adalah selama dua (2) hari bermula dengan penerimaan formal surat lantikan dan TOR ini oleh pakar. Sebarang pelanjutan tempoh projek hendaklah dibuat atas persetujuan bersama. Bayaran tenaga pakar adalah **berdasarkan per jam iaitu 4 jam sehari (bengkel 2 hari)** dibuat secara dalam talian. Bayaran ini akan di bayar selepas tugas dilaksanakan.

Skop kerja adalah seperti berikut:-

- 2.1 Menganalisa laporan bengkel berkenaan isu-isu perbelanjaan R&D.
- 2.2 Memberikan khidmat nasihat berkenaan meningkatkan perbelanjaan bidang R&D berdasarkan Pendekatan STEINBEIS.
- 2.3 Menyediakan cadangan dan rekomendasi Rangka Kerja untuk meningkatkan perbelanjaan bagi tujuan pembangunan R&D tahun 2021.

3.0 TARIKH TUTUP

Pembekal hendaklah menghantar sebutharga kepada sekretariat program selewat pada **5 Februari 2021 (Jumaat)**.